

**KEBERKESANAN PENGURUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
DI DALAM MERANCANG, MENGURUS DAN MENYEDIAKAN
KEMUDAHAN AWAM.**

Oleh

SURAYA BINTI SIDEK

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara**

Mei 1995

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya maka laporan kajian akhir ini dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan. Sepanjang menjalankan kajian ini saya telah banyak mendapat dorongan dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia kajian ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih saya tujukan buat pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan Pengurusan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Jabatan Kewangan serta Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (Unit Pelan Induk) di atas kerjasama yang telah diberikan kepada saya di dalam memperolehi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Ucapan ribuan terima kasih ini juga ditujukan kepada kedua orang tua saya yang telah banyak memberikan dorongan serta semangat kepada saya sepanjang sesi pengajian saya di kampus Shah Alam ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah ITM Shah Alam dan juga rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta dorongan kepada saya di dalam menyelesaikan tugas ini.

Sekian Wasallam.

ABSTRAK

Kemudahan awam merupakan satu elemen penting yang perlu disediakan bagi memudahkan penduduk di sesuatu kawasan menjalani aktiviti harian mereka. Kewujudan kemudahan awam melibatkan beberapa agensi kerajaan di mana agensi-agensi ini bertanggungjawab di dalam menyediakan, mengurus serta menyelenggarakan kemudahan awam tersebut.

Di dalam laporan ini mengandungi 2 kajian di mana ianya melibatkan kajian teoritikal dan kajian kes. Kajian teoritikal akan menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan awam seperti jenis kemudahan awam, dasar DBKL terhadap penyediaan kemudahan awam, piawai yang digunapakai oleh DBKL dan sebagainya. Kajian teoritikal juga mengandungi matlamat serta objektif kajian.

Berdasarkan kepada matlamat dan objektif yang telah dirangka maka kajian kes telah dijalankan bagi melihat sejauhmana keberkesanan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam merancang, menyediakan dan menguruskan kemudahan awam. Tapak kajian yang telah dipilih merupakan kawasan rumah pangsa yang berdensiti tinggi. Kajian kes melibatkan penduduk di kawasan kajian dan juga pegawai-pegawai yang bertugas di DBKL. Kajian kes yang dijalankan adalah untuk meninjau keadaan kemudahan awam yang terdapat di kawasan kajian dan sejauhmana pengurusan terhadap kemudahan tersebut dititikberatkan oleh DBKL di dalam memberikan perkhidmatan yang maksima kepada penduduk.

Semasa kajian dijalankan, beberapa isu dan masalah telah dikenalpasti akibat daripada kewujudan kemudahan awam yang disediakan di kawasan kajian. Isu dan masalah telah dikenalpasti semasa analisis data dijalankan. Daripada isu dan masalah yang wujud, beberapa cadangan telah dirangka bertujuan untuk mengatasi masalah yang sedia ada.

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 :	Tugasan Kerja.	10
Jadual 2.1 :	Tingkat Peruntukan Kemudahan Pusat Untuk Semua Unit Perancangan.	35
Jadual 3.1 :	Ciri-Ciri Kawasan Kajian.	46
Jadual 3.2 :	Kemudahan Awam Yang Terdapat Di Kawasan Kajian.	50
Jadual 4.1 :	Tempoh Menginap.	67
Jadual 4.2 :	Sejauhmana Responden Berpuashati Dengan Kemudahan Yang Disediakan Oleh DBKL.	69
Jadual 4.3 :	Faktor Ketidakpuasan Hati Responden Dengan Kemudahan Yang Disediakan Oleh DBKL.	72
Jadual 4.4 :	Pendapat Responden Mengenai Bilangan Kemudahan Awam Yang Disediakan Di Kawasan Kajian.	73
Jadual 4.5 :	Pemeriksaan Oleh DBKL Terhadap Kemudahan Yang Disediakan.	80